

**NILAI KEMANUSIAAN WATAK – WATAK
DALAM CERPEN SAI PEER MOHAMMAD
BERDASARKAN TIGA
DOMAIN MORAL**

PASKARAN A/L SUBRAMANIAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



**NILAI KEMANUSIAAN WATAK – WATAK
DALAM CERPEN SAI PEER MOHAMMAD
BERDASARKAN TIGA
DOMAIN MORAL**

PASKARAN A/L SUBRAMANIAM



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022**



UPSI/PS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada9.....(hari bulan).....0605.....(bulan) 2022.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **PASKARAN A/L SUBRAMANIAM - M20201000042 - FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk: **NILAI KEMANUSIAAN WATAK-WATAK DALAM CERPEN SAI PEER MOHAMAD BERDASARKAN TIGA DOMAIN MORAL** adalah hasil kerja saya sendiri.

Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr, Samikkanu Jabamoney a/l Ishak Samuel (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **NILAI KEMANUSIAAN WATAK-WATAK DALAM CERPEN SAI PEER MOHAMAD BERDASARKAN TIGA DOMAIN MORAL (TAJUK)** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Tamil) (SLA NYATAKAN IJAZAH).

16/8/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Assoc. Prof. Dr. SAMIKKANU JABAMONEY ISHAK SAMUEL
Faculty of Languages and Communication
Sultan Idris Education University
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **NILAI KEMANUSIAAN WATAK-WATAK DALAM CERPEN SAI PEER
MOHAMAD BERDASARKAN TIGA DOMAIN MORAL**

No. Matrik / Matric's No.: **M20201000042**

Saya / I : **PASKARAN A/L SUBRAMANIAM**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:- *acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

- ☐ **SULIT/CONFIDENTIAL** kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
- ☐ Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972
- ☒ **TERHAD/RESTRICTED** Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.
- TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Assoc. Prof. Dr. SAKHRYAH JABARUNNY KHAN SHAHRI
Faculty of Languages and Communication
Tadris Bahasa Indonesia
UPSI Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Tarikh: 16/8/2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

16/8/2022

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan Maha Berkuasa kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian saya selepas bersara daripada perkhidmatan perguruan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel dari Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana sudi menjadi penyelia saya dengan memberi dorongan, motivasi dan keyakinan untuk menjalankan penyelidikan ini. Kesudian beliau rela memberi komen, tunjuk ajar, nasihat dan idea yang bernas dan konstruktif serta bantuan tanpa mengira masa sepanjang penulisan ini amat membantu saya dalam menghasilkan kajian yang mantap ini. Tidak dilupakan juga dan jutaan terima kasih ditujukan kepada kepada Profesor Madya Dr. Abdul Halim bin Ali dari Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membantu saya menerokai bidang penyelidikan terkini. Cadangan, nasihat dan tunjuk ajar beliau dalam merangka kajian ini serta membantu memilih teori kajian yang sesuai adalah sangat dihargai. Kajian ini juga tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak seperti penulis Sai Peer Mohammad, pihak pengurusan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Mutthamil Padippagam di Kuala Lumpur, Universiti Putra Malaysia dan perpustakaan Awam serta pihak lain yang secara langsung dan tidak langsung membantu dalam usaha mendapatkan bahan rujukan dan maklumat yang relevan untuk kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan watak-watak dalam cerpen Sai Peer Mohammad berdasarkan tiga domain moral Thomas Lickona serta menghuraikan pengajaran yang terpapar melalui watak tersebut. Kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menerapkan kaedah analisis teks dan deskriptif untuk menganalisis 15 cerpen karya Sai Peer Mohammad. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan Teori Moral Thomas Lickona merangkumi tiga domain moral yang terdiri daripada penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 11 nilai kemanusiaan yang dibawa oleh 20 orang watak dalam cerpen Sai Peer Mohammad. Selain itu, analisis menunjukkan bahawa ketiga-tiga domain moral telah diterapkan pada kesemua nilai kemanusiaan yang dibawa oleh watak-watak yang dikaji. Sementara itu, terdapat 11 pengajaran yang dapat diambil daripada watak-watak dalam cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad. Kesimpulannya, Sai Peer Mohammad berjaya membentuk watak-watak yang mempunyai nilai kemanusiaan yang menerapkan ketiga-tiga domain moral Thomas Lickona. Implikasinya, hasil kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan oleh semua pihak dalam usaha membentuk golongan remaja yang bermoral dan kaya dengan nilai kemanusiaan dalam usaha melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis.

HUMAN VALUES OF CHARACTERS IN SHORT STORIES OF SAI PEER MOHAMMAD BASED ON THREE MORAL DOMAINS

ABSTRACT

This study aims to identify and analyze human values found in the characters of Sai Peer Mohammad's short stories based on Thomas Lickona's three moral domains and further describe the lessons that are displayed through the characters. This study is a qualitative study based on library research and text analysis methods to analyze 15 short stories in *Works of Sai Peer Mohammad*. The analysis and discussion is based on Thomas Lickona's Moral Theory covering three moral domains namely moral reasoning, moral feeling and moral behaviour. The findings of this study show that there are a total of 11 human values carried by 20 characters in Sai Peer Mohammad's short stories. Besides that, the analysis also shows that all three moral domains have been applied to all the human values carried by the characters studied. Meanwhile, there are 11 lessons to be learned from the characters in Sai Peer Mohammad's short stories. It can be concluded that, Sai Peer Mohammad managed to form characters with human values that apply the three moral domains of Thomas Lickona. The results of this study can be used as a guide by all parties to raise teenagers who are rich in moral and human values as an effort to produce balanced and harmonious human beings.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAIRAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
TRANSLITERASI TAMIL	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Sumber Kajian	21
1.8.1 Sumber Primer	21
1.8.2 Sumber Sekunder	22

1.9	Definisi Operasional	23
1.9.1	Nilai Kemanusiaan	24
1.9.2	Watak	26
1.9.3	Cerpen	27
1.9.4	Domain Moral	29
1.9.5	Penakulan Moral	30
1.9.6	Perasaan Moral	31
1.9.7	Perlakuan Moral	31
1.10	Kesimpulan	32

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	33
2.2	Sejarah Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia	34
2.3	Sai Peer Mohammad dan Sumbangannya	40
2.4	Kajian Lepas	42
2.5	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Kerangka Kajian	53
3.3	Kaedah Kajian	55
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	55
3.3.2	Kaedah AnalisisTeks	56
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	57
3.4.1	Pembacaan Data	58
3.4.2	Pemilihan Data	58

3.4.3	Pembahagian Data	59
3.5	Kaedah Menganalisis Data	59
3.6	Instrumen Kajian	60
3.7	Teori Kajian	61
3.7.1	Latar Belakang Thomas Lickona	63
3.7.2	Teori Moral Thomas Lickona	64
3.7.2.1	Penaakulan Moral	66
3.7.2.2	Perasaa Moral	67
3.7.2.3	Perlakuan	69
3.7.3	Pengaplikasian Teori Moral Thomas Lickona dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	71
3.8	Kerangka Teori Moral Thomas Lickona	72
3.9	Kesimpulan	73

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Mengenal Pasti dan Menganalisis Nilai Kemanusiaan Watak-watak dalam Cerpen Sai Peer Mohammad Berdasarkan Tiga Domain Moral Thomas Lickano	76
4.2.1	Baik Hati	79
4.2.2	Keinsafan	101
4.2.3	Keberanian	118
4.2.4	Belas Kasihan	129
4.2.5	Kasih sayang	142
4.2.6	Kerajinan	159
4.2.7	Pengorbanan	165
4.2.8	Bertanggungjawab	173

4.2.9	Toleransi	179
4.2.10	Harga Diri	186
4.2.11	Hormat	195
4.3	Menghuraikan Pengajaran yang Terdapat dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	203
4.3.1	Memberi Bantuan Kepada Manusia yang Memerlukanya	205
4.3.2	Perang Bukanlah Jalan Penyelesaian Muktamad kepada Sesuat Konflik	212
4.3.3	Memberi Sokongan kepada Bekas Penjenayah yang Insaf	218
4.3.4	Berbuat Baik kepada Orang Berniat Jahat Terhadap Kita	225
4.3.5	Memberi Sumbangan ke arah Memartabatkan BahasaTamil	230
4.3.6	Mengikis Sikap Prasangka Terhadap Sesama Manusia	234
4.3.7	Memelihara Kebajikan Warga Emas	239
4.3.8	Menjauhi Sifat Cemburu yang Membawa Padah Buruk	245
4.3.9	Menghargai Seni Muzik Tradisional Tamil	252
4.3.10	Mengambil Iktibar daripada Kemajuan Orang untuk Memajukan Diri	257
4.4	Kesimpulan	262

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	263
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	264
5.2.1	Mengenal Pasti Nilai Kemanusiaan Watak-watak dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	266

5.2.2	Menganalisis Nilai Kemanusiaan Watak-watak dalam Cerpen Sai Peer Mohammad Berdasarkan Tiga Domain Moral yang Diasaskan oleh Thomas Lickona	271
5.2.3	Menghuraikan Pengajaran Terdapat dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	277
5.3	Implikasi Kajian	279
5.4	Cadangan dan Kajian Lanjutan	281
5.5	Kesimpulan	283
RUJUKAN		285

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Judul Cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad Dikaji	17
2.1	Anugerah dan Hadiah yang Diterima oleh Sai Peer Mohammad	42
3.1	Nilai Kemanusiaan Watak dalam Cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad	60
3.2	Nilai Kemanusiaan Watak Mengikut Tiga Domain Moral Thomas Lickona dalam Cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad	61
3.3	Unsur Pengajaran dalam Cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad	61
4.1	Tiga Domain Moral dan Aspek Nilai yang Ditegaskan oleh Thomas Lickano	78
4.2	Senarai Cerpen Sai Peer Mohammad Dikaji	79
4.3	Nilai Baik Hati Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	80
4.4	Nilai Keinsafan Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	102
4.5	Nilai Keberanian Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	119
4.6	Nilai Belas kasihan Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	129
4.7	Nilai Kasih Sayang Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	143
4.8	Nilai Kerajinan Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	160
4.9	Nilai Pengorbanan Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	166
4.10	Nilai Bertanggungjawab Dalam Cerpen sai Peer Mohammad	173
4.11	Nilai Toleransi Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	179

4.12	Nilai Harga Diri dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	188
4.13	Nilai Hormat dalam Cerpen Sai Peer Mohammad	196
4.14	Senarai Nilai Kemanusiaan dalam Cerpen Sai Peer Mohammad yang Dikaji	200
4.15	Kekerapan Penerapan Nilai Kemanusiaan dalam Cerpen Sai Peer Mohammad Dikaji	202
4.16	Bilangan Banduan Pengulanglaku Jenayah, 2000-2016	223
4.17	Senarai Pengajaran yang Diterapkan Dalam Cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad	261
5.1	Bilangan Nilai Kemanusiaan Mengikut Cerpen Sai Peer Mohammad Dikaji	267
5.2	Nilai Kemanusiaan Watak-watak dalam Cerpen Sai Peer Mohammad Berdasarkan Tiga Domain Moral yang Diasaskan oleh Thomas Lickona	273
5.3	Senarai Pengajaran Diterapkan Dalam Cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad	277

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian	54
3.2	Kerangka Teori Moral Thomas Lickona	72



SENARAI SINGKATAN

CB	Confined to Barack
INA	Indian National Army
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MSF	<i>Ministry of Social and Family</i> (Singapore)
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia





TRANSLITERASI TAMIL

NOTES ON TRANSLITERATION AND DIACRITICAL MARKS

The system adopted here is the same as in the Tamil Lexicon of the University of Madras, Vol. VI, p.XXVIII.

Tamil alphabets and their English symbols with diacritical marks:

VOWELS

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஒ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	எ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>ō</i>
ஈ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஔ	:	<i>au</i>

CONSONANTS

க	:	<i>k</i>	ங	:	<i>ṅ</i>	ய	:	<i>y</i>
ச	:	<i>c</i>	ஞ	:	<i>ñ</i>	ர	:	<i>r</i>
ட	:	<i>ṭ</i>	ண்	:	<i>ṇ</i>	ல்	:	<i>l</i>
த	:	<i>t</i>	ந்	:	<i>n</i>	வ்	:	<i>v</i>
ப்	:	<i>p</i>	ம்	:	<i>m</i>	ழ்	:	<i>ḷ</i>
ற்	:	<i>r</i>	ன்	:	<i>ṇ</i>	ள்	:	<i>ḷ</i>

SANSKRIT LETTERS

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ṣ</i>	க்ஷ்	:	<i>kṣ</i>
ஹ்	:	<i>h</i>			



BAB 1

PENDAHULUAN

Kesusasteraan ialah suatu bidang luas yang meliputi pelbagai genre termasuk puisi, drama, novel dan cerpen. Selain itu, sastera juga merupakan wadah yang mengandungi unsur dan nilai berkaitan dengan kepercayaan dan agama yang merangkumi nilai amanah, jujur, ikhlas, kasih sayang, simpati, bertimbang rasa, dan perikemanusiaan. Kesusasteraan ialah hasil seni yang disampaikan melalui bahasa yang indah. Pada asalnya, hasil kesusasteraan disampaikan dalam bentuk tulisan dan lisan. Sebenarnya, kedua-dua bentuk kesusasteraan ini tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seharian kita. Sebagai contoh, kita mendengar muzik yang mengandungi lirik lagu yang merupakan hasil sastera. Begitu juga ketika kita menggunakan pelbagai peribahasa dan pepatah yang indah-indah sebenarnya ialah unsur-unsur kesusasteraan.



Hashim Awang (1984) menyatakan bahawa kesusasteraan ialah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Menurutnya, sastera juga memiliki keindahan dari segi isi atau daya pengucapannya. Menurut Ali Ahmad (1978), sastera membawa erti sebagai seni sastera atau seni bahasa dan secara umumnya dimaksudkan persuratan. Sastera juga menyimpulkan maksud yang terdekat, iaitu kesenian persuratan yang bersifat halus dan indah.

Menurut R. Karthigesu (2010), kesusasteraan Tamil merupakan suatu aliran sastera yang paling tua di dunia. Karya-karya Tamil berusia lebih daripada 2000 tahun dan dianggap sebagai hasil seni yang matang. Kaum Tamil di negara ini turut menjadi pewaris kepada hasil sastera ini yang kaya dengan unsur-unsur kebudayaan.



berfungsi sebagai penghibur malah membantu mengasuh nilai-nilai yang mulia dalam diri manusia. Dalam konteks ini, hasil sastera yang merupakan wadah rohaniah dan akidah dapat menggerakkan manusia berfikir dan seterusnya bertindak ke arah kesempurnaan, kemajuan dan kebaikan.

Shahnon Ahmad (1997) turut menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan seni yang berteraskan cinta. Cinta membawa maksud sayang kepada keindahan dan kebenaran. Berikutan ini, para sasterawan mencipta karya kesusasteraan untuk menyuburkan peribadi manusia dengan perasaan cinta akan keindahan dan kebenaran. A. Samad Said (1997) melihat sastera sebagai rakaman dan renungan interaksi insan seni dengan masyarakat dan masalah mereka. Setiap karya yang dicipta itu





mendekatkan insan seni kepada cakerawala Tuhan dan sesama makhluk. Oleh itu, penciptaan hasil karya sastera mestilah berkhasiat untuk minda manusia.

Secara keseluruhannya, sastera mencerminkan sejarah dan kehidupan sesebuah masyarakat di samping memperlihatkan pemikiran sesebuah masyarakat. Sastera juga menjadi bahan bukti yang menghurai dan mengisahkan sejarah silam sesebuah masyarakat. Karya sastera turut memperihalkan pelbagai fenomena yang berlaku dalam persekitaran sesebuah masyarakat. Selain itu, sastera turut mendorong manusia untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Hal ini kerana melalui karya sastera seseorang dapat memahami isi tersurat dan tersirat, menemukan sebab-akibat dan mampu melihat perkaitan antara pelbagai peristiwa dalam cerita yang dibaca itu. Karya sastera juga memaparkan nilai-nilai moral berkaitan dengan aspek sosial dan sejarah sesebuah masyarakat lalu mampu melahirkan insan yang mulia dan baik sifatnya.

Sehubungan ini, pengkaji memilih cerpen sebagai bidang kajian kerana merupakan genre sastera moden yang paling popular sejak abad ke-19. Lantaran itu, karya cerpen dipilih sebagai bahan pembelajaran di sekolah menengah sehingga peringkat universiti. Dalam pada itu, istilah cerpen ialah akronim bagi kata cerita pendek dan merupakan prosa naratif dan bersifat cereka. Lazimnya, cerpen mengandungi jumlah watak yang sedikit antara satu sehingga empat dengan membawa tema yang tunggal dan plot yang ringkas.



1.2 Latar Belakang Kajian

Cerpen ialah suatu ciptaan menarik yang membicarakan sesuatu hal atau kejadian. Selain itu, cerpen dicipta untuk memberi keseronokan kepada para pembaca di samping memberi pengajaran dan panduan hidup. Kita dapat menghayati karya cerpen ini melalui media cetak, terutama buku-buku, namun pada zaman ledakan media ini, semua jenis hasil sastra termasuk cerpen dapat kita hayati melalui media elektronik.

Pada abad ke-19, penjajah Inggeris telah membawa masuk orang-orang Tamil dari India secara beramai-ramai untuk bekerja di ladang-ladang getah. Kemasukan kaum Tamil ini secara tidak langsung telah mengorak langkah kepada perkembangan tradisi sastra Tamil tempatan. Antara kaum buruh India yang datang ke negara ini, sejumlah besar mereka berasal dari Tamil Nadu, iaitu dari India Selatan-

Dalam konteks ini, sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia dan di Tamil Nadu, India amat berkait rapat, namun tradisi penulisan cerpen bermula agak lewat di sini berbanding dengan di Tamil Nadu. Kumpulan cerpen sulung berjudul *Navaraca Katā Mañcari: Ivāy Iniyā Kaṇṇiṭa Kaṭaikaḷ* telah dihasilkan oleh Ve. Sinniah Pillai pada tahun 1930 (Subramani, S., 2005). Pada awalnya (1930-41), kebanyakan cerpen bertemakan cinta dan berlatarkan Tamil Nadu, India. Selain itu, cerpen ketika itu turut membawa tema yang berkisar pada reformasi dalam perkahwinan, pemikiran terikat pada pantang larang, kemajuan wanita, keperitaan hidup buruh di ladang dan patriotism.



Semasa penjajahan Jepun (1942-45), perkembangan cerpen agak lembab, namun perjalanannya berterusan. Pada masa itu, cerpen-cerpen diterbitkan dalam akhbar *Suthanthira Inthia*, *Yuvabaratham*, *Santhirothayam*, *Jayabaratham* dan *Puthuulagam*. Cerpen pada masa itu kebanyakannya bertemakan kehausan kemerdekaan India, percintaan, hawa nafsu, penghapusan kasta, sinema, cara hidup orang India, pengangguran, kemiskinan dan soal kesucian (Sababathy, 2006).

Perkembangan cerpen Tamil semasa pendudukan Jepun terjejas kerana berlaku keganasan, kelaparan, kekejaman dan penyakit berjangkit menghempap masyarakat India. Ramai rakyat mati akibat keganasan askar Jepun. Di samping itu, sastera Tamil telah menempuh situasi baru. Pemerintah Jepun telah memperkenalkan bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, mereka memberi kebenaran kepada penerbitan majalah dalam bahasa Tamil dan Hindi. Majalah-majalah ini memberi keutamaan kepada hasil karya sastera (Dhandayudham, R. 1983).

Pada masa itu, akhbar-akhbar seperti *Suthanthira Thaagam*, *Suthanthira Uthayam* dan *Yuvabaratham* telah masih menyiarkan cerpen-cerpen. Selepas kekalahan Jepun, semua akhbar ini tidak beroperasi lagi. Namun, penjajahan Jepun di Malaya telah mencetuskan kesan buruk dalam kalangan penduduk di Malaya, iaitu masyarakat Malaya telah seolah-olah terpinggir daripada aliran sistem sosial. Pada masa yang sama, masyarakat Tamil mula menganggap negara ini sebagai tanah air mereka tanpa memikirkan lagi Tamil Nadu sebagai tanah air mereka.

Pada tahun 1950-an, kelas-kelas bimbingan mengenai cara-cara menulis cerpen merupakan agenda utama dalam penulisan cerpen Tamil di Malaysia. Penulis-





penulis seperti Suba Narayanan dan Bairoji Narayanan telah mula menganjurkan kelas bimbingan dan berusha mengajar format penulisan cerpen yang betul. Selepas itu, Ko. Sarangabani, penerbit surat khabar *Tamil Murasu*, telah memulakan ruang khas bernama *Rasanai Vaguppu* dan *Manavar Manimandram* untuk menjana cerpenis baharu dalam bidang penulisan. Ruangan ini telah berjaya melahirkan cerpenis tersohor seperti R. Karthigesu, Sai Peer Mohammad, Ka. Krishnasamy, Anbanantham, Abdul Latif, Maidin Sultan, Murugaiyan dan Theenaradchagi.

Seterusnya, antologi cerpen kedua berjudul *Rattha Thanam* yang dihasilkan oleh penulis Ma. Ramaiah dan Ma. Po. Mayathevan telah diterbitkan pada tahun 1952. Antologi ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dalam kalangan masyarakat India. Pada tahun 1955, E. Moorthy telah menubuhkan persatuan penulis yang merangkumi tiga kawasan, iaitu Klang, Seremban dan Kuala Selangor dan para penulis dari kawasan tersebut telah menyertai persatuan ini. Pada tahun 1960-an pula, hasil penulisan M. Kumaran dan Mu. Anbuchelvan telah diterbitkan di Chennai, Tamil Nadu, India. Majalah Malaysia turut telah diterbitkan di India dengan memuatkan cerpen-cerpen Malaysia untuk memperkenalkannya di Tamil Nadu. Seterusnya, banyak majalah mingguan dan bulanan telah diterbitkan di Malaysia. Salah sebuah antologi cerpen *Akkarai Ilakkiyam* yang mengandungi cerpen-cerpen penulis Malaysia telah diterbitkan di Chennai. Koleksi *Manikathaikal* merupakan sebuah koleksi lagi yang diterbitkan oleh Majlis Pemuda Tamil Malaysia pada tahun 1968. Hasil penulisan cerpenis yang terkenal pada masa itu seperti Rama Suppaiah, K. Krishnasamy dan A. Anbananthan telah dimuatkan dalam koleksi *Manikathaikal* ini (Dhandayudham, R. 1983 & Sababathy, 2006).





Pada tahun 1970-an bekas pensyarah Universiti Malaya, Dhandayudham, R telah mengulas cerpen-cerpen yang diterbitkan di Malaysia. Penglibatan beliau dalam sastera Tamil Malaysia dan hasil kritikan cerpen telah memberi dorongan kepada penulis tempatan membaiki mutu karya mereka. Beliau telah banyak menjalankan penyelidikan tentang cerpen-cerpen Tamil di Malaysia dan hasil penyelidikannya yang banyak termuat dengan pandangan kritikal turut menyumbang kepada perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Pada tahun 1986, Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya atas dorongan beliau telah menganjurkan peraduan mengarang cerpen yang terbuka kepada semua penulis di negara ini. Persatuan ini telah menawarkan hadiah wang yang lumayan. Sebanyak 10 buah cerpen yang terpilih sebagai hasil karya terbaik telah dimuatkan dalam antologi cerpen berjudul *Pēravaik Kataikal* (Subramani, S., 2005). Sejak tahun 1986 hingga tahun 2020, persatuan ini telah berturut-turut berjaya menghasilkan sebanyak 34 buah antologi cerpen ini. Usaha ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam bidang penulisan cerpen di Malaysia. Peraduan ini telah menjadi medan untuk mengasah bakat beratus-ratus penulis lama serta melahirkan bakat baharu. Justeru, sumbangan mendiang Dhandayudham, R adalah sangat berharga dan beliau telah menjadi tonggak kepada perkembangan cerpen di negara ini (Dhandayudham, R. 1983 & Sababathy, 2006).

Dalam pada itu, semua media Tamil seperti akhbar harian serta majalah mingguan dan bulanan banyak memainkan peranan penting dalam perkembangan cerpen di Malaysia. Media ini menjadi medan untuk mengasah bakat penulis lama dan baru. Di samping itu, media ini turut menganjurkan bengkel penulisan dan sesi kritikan cerpen untuk mengasah bakat penulis serta menerbitkan cerpen-cerpen yang tersiar itu dalam bentuk kumpulan cerpen. Sehubungan ini, akhbar-akhbar Tamil





tempatan sentiasa memainkan peranan penting dalam perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Sejak tahun 2000, cerpen-cerpen yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar ini diberi hadiah insentif di samping bengkel kritikan cerpen dianjurkan dari semasa ke semasa.

Selain itu, Persatuan Penulis Tamil Malaysia ditubuhkan dan persatuan ini turut mengadakan bengkel kritikan hasil penulisan secara adil dan saksama serta memberi komen konstruktif tentang hasil karya cerpen dalam usaha untuk menambah baik mutu karya penulis. Usaha murni ini dilihat sebagai satu galakan dan rangsangan kepada penulis. Sementara itu, sejak tahun 2004, akhbar *Tamil Nesan* telah menganjurkan peraduan bulanan mengarang cerpen dengan menawarkan pingat emas untuk cerpen yang terbaik. Dari tahun 2005 pula, karya-karya terpilih itu disiarkan dalam akhbar itu. Seterusnya, bengkel-bengkel penulisan yang berinovasi dan kreatif turut dianjurkan oleh persatuan-persatuan yang ada kaitan dengan bahasa Tamil. Usaha ini juga merupakan satu langkah konkrit ke arah perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia (Sababathy, 2006).

Secara ringkas, boleh dikatakan bahawa cerpen Tamil Malaysia mula berkembang dengan pesat sejak tahun 1930an sehingga sekarang. Sehubungan ini, perkembangan pesat media dan peranan akhbar telah membantu dalam perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Pada mulanya, cerpen-cerpen yang dihasilkan adalah berlatarkan Tamil Nadu, India. Kebanyakan cerpen tersebut mengutamakan tema kemerdekaan negara India, cinta, peperangan, kehidupan di ladang, masalah sosial seperti kasta dan kemiskinan (Sababathy, 2006).





Selain peranan media dan akhbar, terdapat beberapa faktor lain yang turut membantu perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Kehidupan segelintir masyarakat India yang penuh keperitaan dan serba kekurangan merupakan salah satu faktor yang mendorong penulis menghasilkan cerpen-cerpen Tamil di Malaysia. Selepas zaman pendudukan Jepun, kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat India di Malaysia dan perkembangan akhbar menggalakkan penulis Tamil giat menceburi arena penulisan. Cerpen-cerpen tersebut berjaya memaparkan kehidupan masyarakat India serta masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh mereka. Justeru, boleh dirumuskan bahawa bidang penulisan cerpen telah mengalami perkembangan yang menggalakkan mengikut peredaran masa (Sababathy, 2006).

Sementara itu, Sai Peer Mohammad ialah seorang penulis Tamil veteran di Malaysia. Beliau memiliki nama pena *Nyanaasiriyanan*. Beliau juga seorang penyelidik dan penceramah sastera. Beliau pernah berkecimpung aktif dalam Kelab Bell Belia Tamil dan pelbagai persatuan sosial. Beliau berkecimpung secara aktif dalam bidang penulisan selama lima dekad yang lalu sejak tahun 1959. Beliau telah banyak menghasilkan cerpen, novel, sajak dan kertas kajian sastera dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Tamil. Sehingga kini, beliau masih terus menghasilkan pelbagai karya sastera.

Pada tahun 1958, cerpen pertama beliau berjudul *Olittālum Maraiyumō* (Tak Akan Dapat Sembunyikan) disiarkan dalam majalah pelajar di Singapura. Penulisan beliau turut banyak disiarkan dalam akhbar dan majalah di Malaysia. Penulisan beliau juga mendapat pengiktirafan daripada majalah *Puthiya Paarvai*, *Kanaiyaali*, *Kalaimagal* dan *Om Sakhti* yang diterbitkan di Tamil Nadu, India atas sumbangannya



dalam perkembangan kesusasteraan Tamil. Sementara itu, antara hasil karya beliau ialah novel berjudul *Peṇ Kutirai*, kumpulan cerpen *Veṇ Maṇal* dan *Payāskōppukkāraṇum Vāṅkōlikaḷum* (2008), dan kumpulan puisi *Cantatikaḷum Rappar Uraikaḷum*. Di samping itu, beliau membantu membukukan cerpen-cerpen penulis dari Malaysia. Antara cerpen yang dibukukan ialah *Vērum Vālvum 1* (1999), *Vērum Vālvum 2* dan *Vērum Vālvum 3* (2001).

Beliau juga pernah menjawat jawatan timbalan presiden dalam Persatuan Penulis Tamil Malaysia. Peer Mohammad pernah berkhidmat sebagai penerbit majalah *Uthaya Sakhti* yang diterbitkan di Malaysia. Beliau telah banyak menerima hadiah dan pengiktirafan dari dalam dan dari luar negara. Secara ringkas, beliau telah menyumbang tenaga dan banyak menghasilkan karya sastera yang membantu

 05-4506832
 pustaka.upsi.edu.my
 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
 PustakaTBainun
 ptbupsi

dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia.

1.3 Pemasalahan Kajian

Kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Sastera ialah cerminan masyarakat dan nilai kemanusiaan. Permasalahan manusia menjadi inti pati utama dalam karya sastera. Kesusasteraan dianggap sebagai suatu ekspresi kehidupan, iaitu ekspresi yang penting tentang aspek kemanusiaan yang digunakan sebagai alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia. Pendapat ini selari dengan pandangan Shahnnon Ahmad (1992) yang menyatakan bahawa kesusasteraan itu bertonggakkan kemanusiaan dalam segala dimensinya. Manakala, Usman Awang (1970) menyatakan bahawa apabila berbicara tentang sastera, tidak lain daripada berbicara tentang



manusia. Perbincangan tentang manusia bererti berbicara tentang seluruh kehidupan lahiriah dan batiniahnya. Ertinya, karya sastra merupakan cerminan nilai-nilai kemanusiaan yang dipaparkan oleh manusia. Hashim Awang (1984, ketika membincangkan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan dalam kesusasteraan, menjelaskan bahawa isi karya sastra, baik genre apa-apa sekalipun, membicarakan nilai-nilai kemasyarakatan dan kemanusiaan yang merupakan aspek isi falsafah sosial (Nyia See Keng, 2004).

Cerpen Sai Peer Mohammad ialah karya sastra yang banyak memaparkan nilai kemanusiaan masyarakat India di Malaysia. Nilai kemanusiaan yang terselit dalam cerpen beliau secara tidak langsung menunjukkan interaksi antara sesama manusia dalam masyarakat India. Oleh itu, pengkaji tertarik untuk membuat kajian mengenai nilai kemanusiaan kerana saban hari kita terdedah kepada berita-berita aneh dan mengejutkan yang seolah-olah mempersoalkan tahap nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh masyarakat digital hari ini. Kisah-kisah seperti anak membunuh ibu atau bapa yang tua kerana duit, ibu-ibu muda yang sanggup membuang bayi yang baru lahir di dalam mangkuk tandas atau tong sampah, malah kisah membuang kucing di dalam mesin basuh lalu membunuhnya dengan kejam sering menyayat dan mengejutkan kita.

Kesemua peristiwa ini, bukan sahaja memalukan insan yang digelar manusia malah mempersoalkan tahap nilai kemanusiaan yang dimiliki manusia dewasa ini. Pada zaman orang tua kita, nilai-nilai kemanusiaan menjadi ikutan dalam kehidupan seharian di samping disanjung sebagai asas kehidupan yang murni. Malangnya, manusia hari ini lebih memberi keutamaan kepada kebendaan dan kekayaan. Individu





yang memiliki kekayaan dan harta benda sentiasa disanjung dan diperkenankan dengan darjat dan darjah oleh masyarakat sekeliling. Dalam pada itu, nilai dan amalan kemanusiaan yang sepatutnya menerima sambutan yang tinggi dalam masyarakat, dewasa ini diketepikan atau dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang pengikhtirafan.

Seterusnya, perlakuan sosial tanpa batasan dalam kalangan manusia hari ini memperlihatkan keangkuhan manusia yang sanggup mengetepikan soal kepercayaan dan ketakutan pada Tuhan. Apakah nilai-nilai kemanusiaan yang dianggap murni, wajar dan wajib ini tidak diperlukan lagi dewasa ini? Oleh itu, kesemua gejala tersebut yang semakin berleluasa saban hari mendorong pengkaji untuk membuat satu kajian terperinci yang menitikberatkan soal nilai kemanusiaan. Pengkaji yakin bahawa hasil kajian yang diperoleh dengan meneliti cerpen-cerpen Sai Peer Mohammd dapat membantu menyemai kembali nilai-nilai kemanusiaan agar para pembaca mengenali nilai-nilai tersebut lalu dapat menghayati dalam kehidupan seharian mereka.

Selanjutnya, beliau juga sebagai seorang anggota masyarakat India pernah mengharungi liku-liku hidup yang penuh pahit manis bersama-sama anggota masyarakatnya. Sehubungan ini, cerpenis Sai Peer Mohamad yang berkongsi latar kehidupan sama lebih cenderung mengangkat dan memaparkan corak dan masalah kehidupan masyarakat India dalam cerpen-cerpennya berdasarkan pengamatan, pengalaman, pemerhatian dan perasaan yang dialami dalam menjalani kehidupan dalam persekitaran yang sama. Menurut Lukacs, G. (1971), sesebuah karya sastera dianggap mencerminkan realiti sosial di luar karya kesusasteraan itu sendiri. Karya-karya sastera dianggap mengambil fenomena-fenomena sosial yang benar-benar





berlaku untuk dijadikan persoalannya. Oleh itu, penulis ini sebagai penulis prolifik turut tidak dapat melarikan diri daripada hakikat ini.

Di samping itu, kebanyakan cerpenya yang dikaji itu berlatarkan ladang getah. Dalam cerpenya, beliau menggambarkan keperitan dan kemiskinan hidup yang diharungi oleh masyarakat India di ladang. Kemiskinan hidup masyarakat India di ladang sangat diperihalkan dalam cerpen-cerpenya. Sebenarnya, penulis Sai Peer Mohammad telah dilahirkan dalam keluarga miskin yang pernah mendiami di ladang suatu ketika dahulu.

Sai Peer Mohammad ialah seorang penulis yang berpengalaman dan prolifik yang berjaya merentasi beberapa zaman dalam kalangan penulis Tamil Malaysia dengan mencipta nama dalam persada kesusasteraan Tamil di Malaysia. Cerpen-cerpenya termuat dengan pelbagai nilai kemanusiaan. Justeru, pengkaji terdorong untuk menjalankan kajian ini yang bertajuk ‘Nilai Kemanusiaan Watak-watak Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad berdasarkan Tiga Domain Moral’ agar dapat mengenal pasti nilai kemanusiaan berdasarkan tiga domain moral yang dapat dijadikan tatapan dan penghayatan para pembaca.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang berjudul ‘Nilai Kemanusiaan Watak-watak Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad Berdasarkan Tiga Domain Moral’ ini dibuat berpandukan objektif berikut:



- i. Mengenal pasti nilai kemanusiaan watak-watak dalam cerpen Sai Peer Mohammad.
- ii. Menganalisis nilai kemanusiaan watak-watak dalam cerpen Sai Peer Mohammad berdasarkan tiga domain moral yang diasaskan oleh Thomas Lickona.
- iii. Menghuraikan pengajaran yang terdapat dalam cerpen Sai Peer Mohammad.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

- i. Apakah nilai kemanusiaan watak-watak dalam cerpen Sai Peer Mohammad?
- ii. Bagaimanakah nilai kemanusiaan watak-watak dalam cerpen Sai Peer Mohammad dianalisis berdasarkan tiga domain moral yang diasaskan oleh Thomas Lickon?
- iii. Apakah pengajaran yang terdapat dalam cerpen Sai Peer Mohammad?

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian mempunyai kepentingan yang tersendiri. Begitu juga terdapat beberapa kepentingan yang mendorong pengkaji melakukan kajian ini. Pertama, melalui kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam cerpen Sai Peer Mohammad untuk tatapan dan penghayatan masyarakat yang semakin kekeringan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian mereka di samping dapat dijadikan garis panduan dalam penghayatan isi cerpen yang menampilkan nilai kemanusiaan.



Seterusnya, permasalahan hidup yang diperihalkan dalam kumpulan cerpen ini banyak mengetengahkan persoalan atau isu-isu seperti keruntuhan sosial, masalah kekeluargaan, soal pendidikan, kemiskinan dan pergolakan politik yang sering melanda dalam kalangan masyarakat India. Hal ini sebenarnya dapat dijadikan contoh teladan yang berguna oleh masyarakat dalam menanganinya, terutama nilai-nilai yang perlu diamalkan dalam membanteras masalah tersebut.

Pengkaji juga dapat mengesan nilai-nilai kemanusiaan yang sebatik dalam kalangan masyarakat India yang diceritakan oleh penulis. Hal ini sekaligus memberi peluang kepada para pembaca untuk memahami permasalahan hidup masyarakat India dan cara-cara nilai kemanusiaan ini dapat dipupuk dan dipelihara dalam kalangan masyarakat ini untuk melahirkan insan yang bermoral dan sejahtera. Dalam erti kata lain, dapat mengetahui cara mempraktikkan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, kajian ini adalah diharap dapat dijadikan sebagai pedoman dan panduan dalam meleraikan konflik peribadi yang dihadapi oleh golongan muda dan hal kekeluargaan berikutan kurang mengamalkan nilai kemanusiaan dalam proses sosialisasi harian.

Selain itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan oleh pihak ibu bapa, kementerian pendidikan dan sekolah serta pertubuhan-pertubuhan sosial dalam menangani gejala sosial tercetus akibat kelunturan nilai kemanusiaan dalam kalangan golongan muda hari ini. Kajian ini dapat memberi *in sight* kepada pihak ibu bapa dan kaum guru yang perlu memahami punca kemerosotan nilai kemanusiaan dalam





kalangan remaja agar sifat dan perlakuan kaum remaja ini dapat diperkukuh dengan nilai-nilai ini. Sementara itu, pihak kementerian pendidikan dan pertubuhan sosial pula boleh merangka program yang dapat memperkaya diri golongan remaja dengan nilai-nilai kemanusiaan.

Selanjutnya, hasil kajian ini juga penting kerana penghayatan nilai kemanusiaan boleh dijadikan landasan asas untuk kemajuan diri seseorang, terutamanya perkembangan sahsiah dan usaha memupuk hubungan silatarahim yang mesra dan sihat dengan orang lain. Penghayatan nilai kemanusiaan ini dapat menggerakkan seseorang untuk berusaha memperlihatkan nilai-nilai yang dapat mencetuskan hubungamn sihat, mesra dan baik terhadap sesama anggota masyarakat agar dapat menikmati suasana kehidupan sosial yang bahagia, aman dan damai.



Akhir sekali, hasil kajian ini dapat menunjukkan tahap amalan nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakatan India sama seperti watak-watak yang terpapar dalam kumpulan cerpen kajian ini. Melalui hasil dapatan ini, para pembaca dapat mengenali kelemahan dan kecacatan diri dari segi nilai kemanusiaan lalu dapat mencontohi serta menambahkan ilmu pengetahuan tentang nilai-nilai kemanusiaan, menyuburkan emosi dan membina moral berdasarkan nilai kemanusiaan untuk membantu mengatasi segala pemasalahan dalam kehidupan seharian masyarakat India di Malaysia.





1.7 Batasan Kajian

Penulis Sai Peer Mohammad melibatkan diri dalam bidang kesusasteraan Tamil selama 50 tahun yang lalu. Beliau telah menerbitkan antologi berjudul *Karya-karya Sai Peer Mohammad* (2016) yang mengandungi novel, puisi, artikel dan cerpen yang dihasilkan selama ini. Pengkaji telah memilih sebanyak 22 buah cerpen dalam hasil karya itu sebagai bahan kajian. Kesemua 22 buah cerpen adalah bertemakan masyarakat India. Dalam cerpen ini Sai Peer Mohammad menggambarkan corak kehidupan di ladang dan juga liku-liku kehidupan yang diharungi oleh masyarakat India pada zaman penjajahan Jepun.

Setelah melakukan *literary review* dan penyelidikan awal, pengkaji mendapati

bahawa hanya 15 cerpen sahaja sesuai untuk kajian ini. Cerpen-cerpen tersebut tersenarai dalam Jadual 1.1 kerana kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan dan bersesuaian dengan tajuk kajian.

Jadual 1.1

Judul Cerpen-cerpen Sai Peer Mohammad Yang Dikaji

Bil.	Judul Cerpen	Halaman
1	<i>Sivappu vilakku</i> (Lampu Merah)	87-92
2	<i>Uṇṭiyal</i> (Tabung)	93-97
3	<i>Neñciṇ niram</i> (Warna hati)	98-100
4	<i>Āṇṭavanukku āṇḍavan</i> (Tuhan kepada Tuhan)	101-107
5	<i>Veṭitta tuppākki</i> (Senapang yang melutup)	108-114
6	<i>Ataṇāl eṇṇa</i> (Jadi, Kenapa)	115-117
7	<i>Vali Vatai</i> (Penyiksaan)	145-151
8	<i>Akkiṇi istāpaṇam</i> (Menyala api suci)	152-157
9	<i>Acuṇap paravai</i> (Burung asuna)	158-166

(bersambung)



Jadual 1.1 (*sambungan*)

10	<i>Antha marangkalum pōppatundu</i> (Pohon-pohon itu pun berbunga)	175-183
11	<i>Pōrkāsugal</i> (Syiling Emas)	184-191
12	<i>Pōrkāsugal</i> (Syiling Emas)	199-204
13	<i>Ukkira pāmpu</i> (Ular bisa)	215-223
14	<i>Payāskōppukkāraṇum Vāṅkōḷikaḷum</i> (Petunjuk Bioskop dan Ayam Belanda)	224-231
15	<i>Kāntiyaṭikaḷum poṇṇucāmi kangganiyum</i> (Gandhiji dan Ponnusamy Kanggani)	232-240

Cerpen-cerpen ini dipilih sebagai bahan kajian kerana watak-watak yang dipaparkan itu memperlihatkan tingkah laku, perasaan dan fikiran yang membawa nilai-nilai kemanusiaan yang berhubung kait dengan tiga domain moral, penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral yang diasaskan oleh Thomas Lickona. Di samping itu, gambaran senario tentang hal kekeluargaan banyak dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini. Kesemua gelagat watak dalam cerpen-cerpen ini dapat dijadikan teladan yang baik dalam kalangan pembaca, sementara itu membawa peringatan bahawa terdapat sifat dan perlakuan buruk yang wajar di jauhi oleh seseorang.

Sehubungan ini, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral (2018) turut menekankan aspek perkembangan tiga domain moral seperti diutarakan oleh Thomas Lickona, iaitu penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral untuk melahirkan insan yang bermoral dan berakhlak mulia serta menghasilkan murid yang berpengetahuan, mempunyai perwatakan yang mulia, bersopan santun dan menyumbang secara produktif terhadap masyarakat dan negara. Perkembangan dan pembinaan tiga domain adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan kepada usaha untuk



memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Dalam konteks ini, watak-watak yang menampilkan penaakula, perasaan dan perlakuan moral dalam cerpen-cerpen yang dikaji itu dapat dijadikan bahan pembelajaran untuk membantu pihak guru agar pelajar-pelajar mudah memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan demi melahirkan individu, keluarga, sekolah, jiran, masyarakat dan negara yang aman, harmoni, adil, bermoral, beretika dan bersatu padu.

Cerpen-cerpen ini juga mengetengahkan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat, terutamanya dalam kalangan masyarakat India. Segala situasi dan senario yang digambarkan begitu indah dan menarik dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam kalangan pembaca. Penulis juga boleh dikatakan dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh watak dalam cerpen-cerpen ini dengan wajar dan mengikut daya imajinasinya sendiri berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan.

Ramai pembaca juga tertarik dengan cerpen-cerpen ini kerana penulis menggunakan gaya bahasa yang mudah, indah dan menarik serta senang difahami. Penggunaan struktur ayat yang pendek dan mudah difahami menjadi daya tarikan kepada para pembaca. Malah, cerpen-cerpen ini membicarakan pelbagai isu yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan, keganasan, pendidikan, masalah sosial dan disiplin diri yang sering membelunggu masyarakat India. Sebenarnya, seseorang pengarang ialah wakil masyarakat yang memaparkan segala insiden yang berlaku di sekitarnya melalui hasil penulisannya. Oleh itu, segala peristiwa dan nilai yang digambarkan dalam karya sastra itu dapat dijadikan asas untuk memahami situasi





masyarakat pada sesuatu masa tertentu. Cerpen Sai Peer Mohammad memang termuat dengan nilai-nilai kemanusiaan. Dalam karya beliau ini, segala kejadian dan peristiwa serta perkembangannya berikhsar pada kehidupan masyarakat India. Secara ringkasnya, aspek kepengarangan beliau, iaitu pengalaman penulis yang merentasi pelbagai zaman dan pengamatan tinggi terhadap masyarakat India, mendorong pengkaji untuk memilih cerpen-cerpen tersebut sebagai bahan kajian.

Dalam pada itu, teori kajian ini ialah Teori Moral Thomas Lickona yang menekankan tiga domain (komponen) moral yang terdiri daripada penaaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Menurut Thomas Lickona (1991), ketiga-tiga domain moral ini adalah sangat penting untuk melahirkan insan yang mempunyai nilai-nilai moral yang tinggi dan seimbang untuk perkembangan potensi individu dan melahirkan manusia yang harmoni. Dalam konteks ini, penaaakulan moral ialah keupayaan minda untuk menaaakul dalam situasi yang kabur demi mengenal pasti perlakuan yang baik dan jahat atau salah dan benar. Keupayaan minda untuk menaaakul secara bermoral dapat merungkai dan menyelesaikan dilema moral sebaik mungkin secara bebas, rasional dan objektif. Manakala, perasaan moral merujuk kepada aspek kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan berasa salah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Sementara itu, perlakuan moral merujuk kepada keupayaan individu bertindak dengan penuh tanggungjawab mengikut kemampuan sendiri dengan membuat sesuatu keputusan berlandaskan penaaakulan dan emosi moral. Oleh itu, Teori Moral Thomas Lickona yang bersifat teori yang mantap dapat membantu mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan yang merangkumi tiga domain moral dalam cerpen Sai Peer Mohammad itu.



Akhir sekali, memandangkan kajian ini ialah kajian kualitatif, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan pelbagai data untuk menjayakan kajian ini. Sementara itu, pengkaji menggunakan kaedah analisis teks untuk menganalisis data kajian dan menghuraikan dapatan kajian ini.

1.8 Sumber Kajian

Data ialah satu indikator yang amat penting dalam sesebuah penyelidikan. Seseorang penyelidik amat memerlukan data untuk membuat huraian, penjelasan atau rumusan tentang sesuatu fenomena yang dikajinya. Secara umumnya, data dapat dikategorikan kepada dua kategori, iaitu sumber primer (*primary*) atau data utama dan sumber sekunder (*secondary*) atau data kedua. Pengkaji akan menerangkan kedua-dua sumber itu secara terperinci

1.8.1 Sumber Primer

Dalam kajian ini, sumber primer ialah 22 buah cerpen hasil karya cerpenis Sai Peer Mohammad, yang termuat dalam hasil karyanya berjudul *Karya-karya Sai Peer Mohammad* (2016).

Sehubungan ini, pengkaji telah mengambil kira aspek kepengarangan penulis Sai Peer Mohammad dalam menentukan cerpen-cerpennya sebagai bahan kajian. Kamus Dewan Edisi Baharu (2017) mendefinisikan kepengarangan sebagai perihal

yang berkaitan dengan pengarang. Selanjutnya, Kunaseelan, S. (2019) menyatakan bahawa pengalaman hidup dan pengamatan seseorang penulis terhadap kehidupan masyarakat membantu memahami kehidupan masyarakat dengan baik. Berdasarkan pandangan Kunaseelan, S., jelaslah bahawa penulis Sai Peer Mohammad yang berkecimpung hampir selama lima dekad dalam bidang penulisan dan kesusasteraan Tamil mempunyai pengalaman hidup yang banyak dan pengamatan tinggi terhadap masyarakat di sekelilingnya. Pengalaman dan pengamatannya membantu menghasilkan cerpen yang merentasi pelbagai zaman yang mampu memaparkan pelbagai corak kehidupan dan pemikiran masyarakat India yang kaya dengan pelbagai nilai kemanusiaan. Oleh itu, berdasarkan latar belakang kepengarangan, pengalaman dan kreativiti Sai Peer Mohammad, pengkaji telah memilih lima belas cerpennya sebagai bahan kajian ini.

1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder atau data kedua (*secondary*) ialah data-data yang digunakan untuk membantu melengkapkan penghuraian dan penjelasan yang dibuat berdasarkan data utama. Data ini diperoleh daripada sumber sekunder. Oleh sebab kajian ini ialah kajian kepustakaan, buku-buku, kamus-kamus, ensiklopedia dan artikel ilmiah dirujuk untuk membuat tafsiran dan huraian tentang definisi konsep dan istilah berkaitan dengan nilai kemanusiaan agar pengkaji benar-benar memahami tajuk kajian ini.

Di samping itu, banyak buku berkaitan dengan Teori Moral Thomas Lickona dirujuk agar benar-benar memahami dan dapat menggunakan teori ini untuk

memandu kajian ini dengan baik. Di samping itu, pengkaji turut merujuk tesis, disertasi, artikel e-prosiding, artikel ilmiah, jurnal dan buku-buku rujukan yang banyak membantu pengkaji dari segi ilmu pengetahuan, menentukan skop kajian dan menjadi panduan untuk menyiapkan tesis ini.

Selain itu, pengkaji juga mengumpulkan bahan-bahan dan data-data daripada buku-buku ilmiah, jurnal, artikel-artikel ilmiah, majalah-majalah, laporan-laporan pihak berkuasa, dokumen relevan dan laman web sebagai sumber rujukan dalam menganalisis data-data berkaitan dengan ketiga-tiga objektif kajian ini. Secara ringkasnya, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan pelbagai sumber data sekunder secara luas untuk menjayakan kajian ini.

Di samping itu, karya-karya lain seperti buku kritikan sastera, buku-buku ilmiah, jurnal, majalah-majalah dan artikel-artikel yang diterbitkan turut dijadikan sebagai rujukan.

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji ingin menyentuh dan menghuraikan beberapa istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk pemahaman yang lebih lanjut tentang kajian yang akan dijalankan.

1.9.1 Nilai Kemanusiaan

Nilai kemanusiaan ialah nilai yang mempunyai hubung kait dengan perlakuan dan pemikiran manusia. Manusia merupakan makhluk yang tertinggi antara makhluk ciptaan Tuhan kerana nilai-nilai kemanusiaan yang diamalkannya mencerminkan bahawa sifat manusia adalah lebih tinggi dan berbeza daripada makhluk lain.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baharu (2017), kata nilai bermaksud taksiran harga, kadar dan nisbah sesuatu benda atau darjat, kualiti, mutu, taraf atau pemikiran tinggi. Sehubungan ini, nilai merupakan standard dan prinsip kita dalam mempertimbangkan harga sesuatu benda. Nilai juga merupakan kriteria bagi kita mempertimbangkan sesuatu benda, situasi dan manusia. Dengan ini, aspek nilai jelas dilihat sebagai suatu kualiti, motif atau piawai norma yang ada dalam pertalian dengan benda, fikiran, perlakuan dan pemilikan. Secara amnya, nilai bertindak sebagai ukuran yang membantu individu mengenal pasti kedudukannya dalam sesuatu isu sosial atau moral. Nilai juga berfungsi sebagai dasar yang menentukan perkara yang harus dicabar, dihujah, diubah atau dipertahankan. Nilai merupakan panduan untuk menyelesaikan konflik, berfikir secara wajar serta membuat keputusan dan menghadkan perlakuan seseorang agar tidak menyimpang daripada norma-norma yang ditetapkan oleh sesebuah masyarakat atau kumpulan.

Sementara itu, mengikut Nik Rosila Nik Yaacob (2004), nilai ialah *standard* atau ukur tara dan prinsip yang digunakan untuk mempertimbangkan harga (*worth*) sesuatu benda, perkara, perbuatan, tingkhalu, kejadian dan keadaan sama ada benar, baik, berguna, diinginkan atau pun sebaliknya. Mengikutnya, terdapat tiga jenis nilai,



iaitu nilai estetika, instrumental dan moral termasuk etika dan akhlak. Nilai estetika merujuk kepada ukuran keindahan dan kecantikan. Nilai instrumental adalah sesuatu secara tersendiri tidak penting tetapi membantu dalam pencapaian sesuatu matlamat. Manakala, nilai moral ialah standard atau prinsip untuk mengukur dan menghakimi sama ada sesuatu perlakuan, tujuan atau maksud itu wajar atau tidak. Sehubungan kajian ini, nilai dalam kajian ini merujuk kepada nilai moral.

Di samping itu, kemanusiaan membawa maksud perihal manusia atau sifat-sifat manusia (Kamus Dewan Edisi Baru, 1993). Kemanusiaan ialah ilmu akademik yang mengkaji unsur-unsur manusiawi dengan menggunakan kaedah analisis, kritis dan spekulasi. Aspek kemanusiaan ini merangkumi sifat mencintai semua kehidupan di dunia ini, memberi keutamaan kepada aspek keikhlasan, kebenaran dan kebaikan melibatkan semua manusia, memperlihatkan segala nilai yang harus dimiliki oleh seseorang manusia dan mengamalkan sifat berprihatin terhadap kesusahan dan penderitaan orang lain. Oleh itu, nilai kemanusiaan secara ringkas diertikan sebagai mutu atau sifat perlakuan dan pemikiran seseorang manusia dalam hubungan dengan sesama manusia. Awang Had Salleh (2001) turut menegaskan nilai kemanusiaan sebagai sifat atau keadaan yang murni mendasari tanggapan atau persepsi sesebuah masyarakat terhadap perlakuan manusia.

Secara ringkas, nilai kemanusiaan dalam kajian ini ialah nilai yang mendasari sesuatu tindakan, fikiran dan perasaan kita untuk menjalani kehidupan bermoral yang berorientasikan kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain. Justeru, segala nilai yang merangkumi kedua-dua orientasi ini dan semua nilai mendasari tiga domain moral,



iaitu penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral untuk membentuk watak seseorang yang ditegaskan oleh Thomas Lickano ialah nilai kemanusiaan.

1.9.2 Watak

Mengikut Kamus Dewan Edisi Baharu (2017), watak ialah tokoh atau pelaku dalam sesebuah karya sastra atau seni. Di samping itu, watak juga membawa maksud sifat seseorang yang zahir dan batin yang merangkumi budi pekerti, tabiat, tingkah laku, jiwa dan pemikiran watak. Menurut Aristotles (Mana Sikana, 2013) watak yang baik didefinisikan melakukan tindakan yang benar berhubung dengan diri seseorang dengan orang lain seperti menjalani kehidupan yang berbudi baik dan melakukan kebaikan yang berorientasikan kepada diri sendiri dan orang lain.

Selanjutnya, Thomas Lickona (1991), menjelaskan bahawa watak terdiri daripada nilai operatif, iaitu memperlihatkan nilai dalam tindakan. Menurut beliau, watak yang baik adalah terdiri daripada insan yang mengetahui, menginginkan dan melakukan hal yang baik. Kelakuan dalam cara berfikir, kelakuan dalam hati dan kelakuan dalam tindakan adalah diperlukan untuk menjalani suatu kehidupan bermoral. Ketiga-tiga kelakuan ini membentuk sifat kedewasaan moral. Menurut Thomas Lickona lagi, watak mempunyai dua sisi, iaitu kelakuan yang benar dalam hubungan dengan orang lain dan kelakuan yang benar dalam kaitannya dengan diri sendiri. Kelakuan yang berorientasikan orang lain adalah terdiri daripada nilai seperti keadilan, kejujuran, rasa syukur, dan cinta. Seterusnya, kelakuan yang berorientasikan



diri sendiri terdiri daripada nilai seperti kerendahan hati, ketabahan dan mengawal diri. Kedua-dua jenis ini saling berhubung-kait antara satu sama lain.

Selain itu, Thomas Lickano menyatakan tentang sepuluh aspek nilai penting dan utama yang harus ditanam dalam diri pelajar di sekolah, di rumah, dan dalam masyarakat. Aspek nilai tersebut ialah kebijaksanaan, keadilan, kejujuran, mengawal diri, kasih sayang, sikap positif, kegigihan, integriti, rasa syukur dan kerendahan hati.

Secara ringkas, watak dalam kajian ini ialah seseorang pelaku dalam cerpen-cerpen yang dikaji itu memperlihatkan budi pekerti, tabiat, tingah laku, minda dan pemikiran yang mendatangkan kebaikan pada diri sendiri dan orang lain di samping membawa 10 nilai moral yang digariskan oleh Thomas Lickona.



1.9.3 Cerpen

Cerpen ialah singkatan atau akronim kepada istilah ‘cerita pendek’. Cerpen menjadi asas kesusasteraan sesuatu bahasa selepas novel dan puisi. Pada masa sekarang, cerpen menjadi genre yang lebih popular kerana lebih pendek dan mudah difahami.

Sehubungan ini, cerpen yang pendek mengandungi 500 hingga 2000 patah perkataan, manakala cerpen yang panjang mengandungi 12,000 hingga 15,000 patah perkataan. Lazimnya, pengarang hanya akan mengemukakan satu tema dan plot yang ringkas sahaja dalam cerpennya. Watak yang digunakan dalam cerpen tidak banyak





seperti dalam novel. Walau bagaimanapun, cerpen tetap mengandungi mesej berupa nilai atau pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Menurut Abdul Samad Said Mohamed Said (1975), cerpen menjadi gambaran jelas tentang aliran pemikiran dan keadaan masyarakat pada sesuatu zaman. Hashim Awang (1998) pula mengatakan bahawa cerpen ialah bentuk cerita pendek yang membawa suatu persoalan bagi menghasilkan suatu kesan yang indah.

Krishnan Maniam (1993) mengertikan cerpen sebagai suatu genre yang membawa kisah singkat yang menceritakan satu sudut kehidupan. Menurutnya, cerpen mempunyai tema, plot, watak, dan latar sebagai sifatnya.



ciri-ciri tertentu. Menurut beliau, cerpen ialah karya ringkas dalam bentuknya yang mengisahkan satu kejadian yang mengetengahkan satu masalah kehidupan tertentu yang dihadapi oleh individu atau masyarakat di sekeliling kita melalui satu watak tertentu.

Seterusnya, cerpen adalah kurang kompleks berbanding dengan novel. Lazimnya, cerpen memusatkan perhatian pada satu kejadian, adanya plot, jumlah wataknya terhad dan mencakupi jangka waktu yang singkat. Namun demikian, kesudahan sesuatu cerpen biasanya mendadak dan terbuka serta mengandungi pesanan moral atau pengajaran ingin disampaikan oleh penulis (Sababathy, 2006).



Kesimpulannya, cerpen boleh diertikan sebagai suatu bentuk wahana yang mengisahkan satu kejadian dengan mengetengahkan suatu masalah kehidupan tertentu yang dihadapi oleh individu atau masyarakat di sekeliling kita melalui suatu watak tertentu dengan membawa pesanan moral atau pengajaran yang menegaskan sesuatu nilai. Segala isi cerpen bukan sahaja mencerminkan realiti kehidupan sesuatu masyarakat pada zaman tersebut yang dipaparkan, malah membawa mesej tertentu yang ditujukan kepada sasaran atau kumpulan tertentu serta mencetuskan keinsafan untuk menyedari dan membetulkan kesilapan lalu.

1.9.4 Domain Moral

Kata *domain* ialah kata yang berasal daripada bahasa Latin *dominium* dan kata ini membawa pelbagai maksud dalam konteks hari ini (*Collins Online Dictionary*, 2021). Mengikut kamus ini, domain ialah sekumpulan nilai (*a set of value*). Manakala, Kamus Dewan Edisi Baharu (2017), menjelaskan domain sebagai ruang liputan suatu bidang ilmu pengetahuan. Sementara itu, Nurul Fitra, S. Pd. I. (2017), menyamakan kata domain dengan kata komponen. Oleh itu, kata domain dapat diertikan sebagai komponen atau sekumpulan nilai.

Sementara itu, mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), kata moral bermaksud ajaran atau pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan, kelakuan, kewajiban, sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau diukur dari segi baik buruk sesuatu akhlak. Kamus ini turut menyamakan kata moral dengan akhlak, budi pekerti atau perangai. Selain itu, mengikut *Collins Online Dictionary* (2021), kata



moral adalah berkaitan dengan prinsip betul dan salah atau menepati standard tingkah laku dan perwatakan berdasarkan prinsip tersebut. Oleh itu, maksud kata moral dapat dirumuskan sebagai prinsip atau sesuatu pegangan yang menentukan baik buruk akhlak, budi pekerti, sikap atau peranan seseorang.

Dalam konteks ini, istilah domain dalam kajian ini diertikan sebagai satu set komponen atau kumpulan nilai atau prinsip diterima yang menentukan sama ada sesuatu sikap, perlakuan, akhlak atau perwatakan seseorang itu baik atau buruk.

1.9.5 Penaakulan Moral



Menurut Thomas Lickona (1991), penaakulan moral (*moral knowing*) ialah pengetahuan tentang moral. Menurutnya, penaakulan moral ini merujuk kepada keupayaan minda untuk menaakul dalam situasi yang kabur demi mengenal pasti perlakuan baik dan jahat atau salah dan benar. Keupayaan minda ini dapat merungkai dan menyelesaikan dilema moral sebaik mungkin secara bebas, rasional dan objektif. Penaakulan moral ini merangkumi enam nilai moral, iaitu kesedaran moral, mengetahui nilai-nilai moral, memahami pandangan orang lain, menaakul berdasarkan nilai moral, kemampuan mengambil keputusan dan pengetahuan sendiri.



1.9.6 Perasaan Moral

Perasaan moral (*moral feeling*) merujuk kepada kesedaran hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu perkara yang betul dan baik, dan berasa salah jika melakukan sesuatu yang tidak betul. Perasaan moral merupakan sumber tenaga dalaman kepada seseorang manusia untuk bertindak mengikut prinsip-prinsip moral. Hal ini akan mencetuskan kesedaran tentang hal-hal yang baik dan tidak baik. Terdapat enam nilai moral yang merupakan aspek emosi yang harus dirasakan oleh seseorang untuk menjadi manusia berkarakter atau memiliki watak yang baik. Aspek tersebut ialah hati nurani, penghargaan sendiri, empati, mencintai kebaikan, kawalan sendiri dan kerendahan hati (Thomas Lickona, 1991).

1.9.7 Perlakuan Moral

Perlakuan moral (*moral action*) adalah merujuk kepada keupayaan seseorang bertindak baik dan betul hasil daripada pengintegrasian aspek penaaakulan moral dan perasaan moral yang dilakukan secara rela hati, rasa bertanggungjawab dan akauntabiliti. Terdapat tiga nilai yang terdiri daripada kompetensi, keinginan dan kebiasaan mendorong seseorang melakukan perlakuan moral (perbuatan baik).

1.10 Kesimpulan

Kajian ini bertajuk ‘Nilai Kemanusiaan Watak-watak Dalam Cerpen Sai Peer Mohammad Berdasarkan Tiga Domain Moral’ merupakan kajian sosiologi sastera berfokus kepada kehidupan sosial masyarakat India di Malaysia untuk mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan yang terpapar dalam dalam cerpen-cerpen yang dikaji itu. Perkara-perkara asas seperti latar belakang dan permasalahan kajian, objektif dan soalan kajian, batasan dan kepentingan kajian, sumber kajian dan definisi operational dibicara dengan terperinci dalam bab ini untuk memastikan kajian ini tidak terpesong daripada landasan skop kajian ini. Rangka kajian yang sedemikian sistemetik dibuat untuk mencapai hasil kajian yang dihasratkan. Kesimpulannya, Bab 1 ini memberi satu garis panduan yang begitu jelas dan terperinci untuk memandu kajian ini agar mencapai hasrat yang diinginkan oleh pengkaji.